

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI RABU, 23 MEI 2007, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 12

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1141-L2249
Dato' Tajul Urus bin Haji Mat Zain minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan sama ada banjir drama-drama dari luar negara terutamanya drama Indonesia akan mempengaruhi nilai-nilai murni budaya dan adat resam bangsa Malaysia.
2. PN-1141-L2350
Puan Hajah Wan Hazani binti Wan Mohd Nor minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah tindakan Kementerian terhadap tanah-tanah yang diberi geran milik oleh Pejabat Tanah dan Jajahan Gua Musang sedangkan tanah-tanah tersebut adalah kepunyaan Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan atau KESEDAR.
3. PN-1141-L2120
Tuan Hii Tiong Kuoh minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan :-
 - (a) bagaimanakah tahap keselamatan negara setakat ini; dan
 - (b) apakah pula langkah-langkah Kementerian untuk menangani masalah seperti Mat Rempit, gengster dan Ah Long yang juga boleh mengancam keselamatan dan ketenteraman negara.
4. PN-1141-L2776
Tuan Maijol bin Mahap minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan sama ada Kementerian berhasrat untuk melantik mereka yang dari Sabah untuk menjadi duta atau diplomat.

5. PN-1141-L2549
Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan :-
- (a) bagaimana Konsep Pertahanan Menyeluruh (HANRUH) yang diperkenalkan pada tahun 1986 bagi menghadapi ancaman keselamatan ketika Perang Dingin dapat diaplikasikan bagi membolehkan ia diguna pakai semasa bencana alam dan krisis tenaga dewasa ini; dan
 - (b) bagaimana pula HANRUH dapat diperluaskan lagi fungsinya bagi membolehkan ia diguna untuk meningkatkan ketahanan sektor ekonomi negara menghadapi arus globalisasi.
6. PN-1141-L2556
Puan Mumtaz binti Md. Naw minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-
- (a) dasar dan piawaian dalam menyediakan kemudahan tandas awam, tempat wuduk dan solat yang mesra pengguna terutama di pusat membeli belah, stesen kenderaan awam, hotel dan tempat awam yang lain; dan
 - (b) siapakah yang bertanggungjawab dalam memastikan perkara ini dipatuhi dan apakah denda mengikut akta sekiranya ia tidak dipatuhi.
7. PN-1141-L2862
Dato' Ismail bin Kasim minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan jumlah penyertaan kaum bumiputera dalam industri peruncitan dan pemborongan dan nyatakan apakah langkah sedia ada mencukupi serta kelemahan yang dikenal pasti oleh Kementerian bagi memastikan penyertaan bumiputera dalam bidang ini dapat dipertingkatkan.
8. PN-1141-L2911
Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan selepas 50 tahun kemerdekaan, dari segi dasar, struktur politik dan kemasyarakatan yang difikirkan perlu untuk menjamin perpaduan, kekukuhan dan kestabilan masyarakat Malaysia, yang sekali gus akan menjamin kekukuhan ekonomi dan kebebasan sosial di tanah air kita.

9. PN-1141-L2590
Tuan Rawisandran a/l Narayanan minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan hampir kesemua stesen Radio dan TV swasta dan Kerajaan menggalakkan pendengar dan penonton menghantar SMS untuk menyertai peraduan, kaji selidik, malah perbualan SMS (Chatting). Ini memberi kesan buruk di kalangan pelajar dan pemuda-pemuda di mana mereka membelanjakan banyak wang dan masa. Adakah Kerajaan atau Suruhanjaya Multimedia akan menetapkan sebarang kawalan terhadap perkara ini.
10. PN-1141-L2257
Datuk Dr. Lee Chong Meng minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kementerian untuk mengawal aktiviti pengimportan ubat beracun ke negara kita di mana ubat-ubat seperti Beta Agonist, Chloramphenicol dan lain-lain ubat haram dapat diimpot sewenang-wenangnya ke negara kita, apakah tindakan Kementerian untuk menyelesaikan masalah ini.
11. PN-1141-L2372
Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan sehingga hari ini berapakah jumlah warga asing yang telah menerima status PR dan berapa ramaikah bilangan pemegang PR ini yang terlibat di dalam aktiviti-aktiviti yang menyalahi undang-undang negara.
12. PN-1141-L2924
Datuk Latiff bin Datuk Thamby Chik minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan usaha Kementerian bagi mengatasi masalah kekurangan doktor perubatan dan doktor pakar di Hospital Kerajaan memandangkan terdapat kes pesakit-pesakit kronik terpaksa menunggu giliran bagi mendapatkan rawatan dari doktor pakar yang kehadirannya berjadual.
13. PN-1141-L2141
Datuk Chew Vun Ming minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah pihaknya sedar pelbagai jenis pinjaman ditawarkan oleh bank-bank komersial di negara ini kepada orang ramai untuk membuat pinjaman di mana secara tidak langsung pinjaman tersebut telah mendatangkan beban kepada orang ramai dengan syarat-syarat yang tertentu yang telah mengikat pelanggan mereka.
14. PN-1141-L2515
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah bentuk program kemahiran atau pembaik pulih akhlak termasuk pendidikan agama yang diberikan kepada banduan. Berapakah kos yang ditanggung oleh Kerajaan untuk program tersebut.

15. PN-1141-L2756
Datuk Soon Tian Szu minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sebanyak 7.2 juta atau 63 peratus pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang masih belum membuat penamaan untuk membolehkan waris terdekat menerima caruman apabila ahli meninggal dunia, bagaimanakah Kementerian menguruskan wang yang ditinggalkan oleh pencarum yang telah meninggal dunia tetapi masih belum membuat penamaan waris.
16. PN-1141-L2628
Puan Heng Seai Kie minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk melanjutkan cuti bersalin semasa dari 60 hari kepada 14 minggu seperti mana yang disarankan International Labour Organization, mengikut Maternity Protection Convention, No.183 pada tahun 2000. Sejauh manakah usaha Kerajaan dalam usaha merealisasikan polisi ini.
17. PN-1141-L2843
Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan semenjak daripada penubuhan Technology Park Malaysia (TPM) berapakah penemuan-penemuan kajian R&D baru yang telah ditemui dan boleh dikomersialkan ke peringkat antarabangsa.
18. PN-1141-L2810
Tuan Chua Kim Chuan minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan pihak KPND & HEP sekarang ini memberi fokus kepada program latihan dengan hypermarket ataupun lebih dikenali sebagai Program Latih dan Kerja. Sejauh manakah kejayaannya dari segi pengambilan pelatih program tersebut bagi tahun 2007.
19. PN-1141-L2090
Datuk (Dr.) Jins bin Shamsudin minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** semua rancangan TV swasta agar menyiarkan sekurang-kurangnya 70% rancangan tempatan termasuk filem iklan.
20. PN-1141-L2281
Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan tanda-tanda atau petunjuk yang menunjukkan berkurangnya kes-kes penagihan najis dadah akhir-akhir ini.
21. PN-1141-L2043
Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan usaha sama atau tindakan Kementerian dengan Bank Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia Bhd. (SME Bank) membantu usahawan IKS di Pulau Pinang.

22. PN-1141-L2823
Dato' Azian bin Osman minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan jumlah keluasan bukit yang telah ditarah dan diratakan dalam tempoh lima (5) tahun sejak 2002 hingga 2006, kesannya kepada alam sekitar serta penduduk setempat dan tindakan yang telah dan akan diambil bagi memastikan keharmonian alam terpelihara.
23. PN-1141-L2808
Tuan Chua Kim Chuan minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kementerian akan mengemas kini prosedur permohonan senjata api orang awam memandangkan kelulusan atau penolakan permohonan tersebut mengambil masa yang begitu lama.
24. PN-1141-L2026
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan hasil kerja yang telah dicapai bagi penstrukturan semula pemegang lesen kontrak kelas F setakat 2006 dan apakah cadangan yang akan dikemukakan bagi memastikan pemegang lesen kelas F ini (bumiputera) lebih kompetitif, berdaya saing serta berkualiti mutu kerjanya.
25. PN-1141-L2130
Dato' Sri Empiang Jabu minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah usaha-usaha yang telah dan akan diambil di dalam rancangan jangka masa panjang Kerajaan bagi mengatasi rakyat yang nampaknya cenderung makan di 'fast-food outlets', yang mempunyai kesan negatif terhadap kesihatan.
26. PN-1141-L2408
Che Puan Sri Kelana D'raja Datin (Dr.) Nik Azizah binti Haji Nik Yahya minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan jangka masa yang diperlukan bagi penggunaan bio-diesel sawit kepada penduduk di negara ini.
27. PN-1141-L2719
Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan peranan dan relevansi IMF sekarang ini terutama kepada negara membangun seperti Malaysia yang tidak mengharapkin pinjaman dari IMF dalam perhitungan pembangunan negara ataupun sebagai penyelamat dalam mengatasi krisis. Negara-negara membangun lebih cenderung untuk mencari pendekatan baru yang berbentuk "self-insure" dari mengorbankan kemerdekaan mengurus negara sendiri di bawah jagaan IMF jika penyelesaian krisis datang dari IMF.
28. PN-1141-L2052
Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan pemantauan Kementerian terhadap kafe-kafe siber yang bertumpu di taman-taman perumahan yang sebenarnya menjadi sarang perjudian.

29. PN-1141-L2285
Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan mengapakah prestasi 'sukan olahraga' mengalami kemerosotan yang mendadak khususnya di kalangan atlit lelaki dan apakah langkah-langkah yang telah yang dilakukan untuk mengatasinya.
30. PN-1141-L2469
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan tindakan yang akan diambil oleh Kementerian bagi membanteras kegiatan sewa lesen umrah oleh syarikat lain daripada agensi pelancongan bertauliah yang semakin berleluasa sehingga mengakibatkan kemelut para bakal jemaah umrah yang terkandas daripada melakukan ibadah tersebut.
31. PN-1141-L2449
Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan jumlah kemasukan pelajar tingkatan satu dan tingkatan empat ke Sekolah Berasrama Penuh (SBP) pada tahun 2004, 2005, 2006 dan 2007.
32. PN-1141-L2176
Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg.Ahmad Raffae minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan sejauh manakah pencapaian usaha-usaha Kementerian dalam memperkenalkan bio-diesel sebagai bahan api alternatif dan apakah maklum balas yang diterima daripada 5 agensi Kerajaan yang diperkenalkan dengan ENVO DIESEL setakat ini.
33. PN-1141-L2668
Tuan Munusamy a/l Mareemuthu minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-
- (a) statistik mengenai kapal terbang milik MAS yang telah dijual semenjak penstrukturan semula MAS; dan
 - (b) maklumat berkenaan dengan destinasi baru yang diperkenalkan, destinasi yang ditambah dan dikurangkan penerbangan serta destinasi yang ditamatkan penerbangan sejak penstrukturan semula MAS.
34. PN-1141-L2557
Dato' Rhina Bhar minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan mempertimbangkan untuk mengkaji semula pindaan kepada Legal Profession Act dan memperkenalkan satu akta baru untuk memansuhkan pindaan yang menggugat kuasa mahkamah dan Peguam Negara yang bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan.

35. PN-1141-L2195
Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato N.S Maniam minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk meningkatkan mutu kemudahan asas bagi pekerja-pekerja estet seperti perumahan, kesihatan dan bekalan air bersih dan adakah Peraturan Piawaian Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerjaan 1990 dapat dilaksanakan dengan berkesan.
36. PN-1141-L2426
Dato' Yip Kum Fook minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah biasiswa yang diberi kepada kakitangan Kerajaan setiap tahun dari tahun 1997 hingga 2006 untuk melanjutkan pengajian pasca ijazah (post graduate) mengikut kaum Melayu, kaum bumiputera lain, Cina, India dan lain-lain kaum.
37. PN-1141-L2589
Dr. Raja Ram a/l K.Nadayson minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah penjualan kereta-kereta Proton dan Perodua bagi suku tahun pertama tahun 2007. Adakah jumlah ini melebihi penjualan kereta-kereta import bagi tempoh yang sama.
38. PN-1141-L2897
Dato' Omar bin Faudzar minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan angka pengangguran siswazah untuk 2006 dan sejauh manakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian ini berjaya mengurangkan kadar pengangguran ini.
39. PN-1141-L2068
Dato' Gooi Hoe Hin minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan adakah satu kajian menyeluruh dijalankan secara analisa kos dan faedah dalam Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) dengan Amerika Syarikat.
40. PN-1141-L2210
Ir. Hiang A Li minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian membuat penelitian terhadap modul ujian lesen menunggang motosikal yang dilihat sudah tidak lagi sesuai dengan keadaan semasa serta sesetengah modulnya langsung tidak dipraktikkan dalam situasi sebenar ketika menunggang motosikal.
41. PN-1141-L2707
Tuan Tan Bon You minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kakitangan Kerajaan yang bersara, jumlah yang diberi kontrak melanjutkan perkhidmatan setelah persaraan bagi setiap tahun dari 1997 hingga 2006 mengikut komposisi kaum, Kementerian, jabatan, agensi dan jawatan.

42. PN-1141-L2212
Ir. Hiang A Li minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah dasar dan strategi Kementerian untuk menyelenggarakan atau menggantikan pili bomba di seluruh negara supaya semua pili bomba berada dalam keadaan yang baik dan berfungsi apabila berlaku kebakaran.
43. PN-1141-L2337
Puan Hajah Wan Ramlah binti Wan Ahmad minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan dalam usaha Kerajaan mengurangkan rakyat menghisap rokok, mengapakah masih wujud penjualan rokok daripada pelbagai jenama baru di pasaran sejak akhir-akhir ini.
44. PN-1141-L2792
Datuk Armani binti Haji Mahiruddin minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah bentuk pembelajaran untuk mengelakkan orang yang telah memeluk agama Islam menjadi murtad disebabkan keluarga, keadaan sekeliling dan fungsi Jabatan Agama Islam tidak begitu 'efisien' sehingga berlaku murtad/keluar agama kembali ke agama asal.
45. PN-1141-L2340
Puan Hajah Wan Ramlah binti Wan Ahmad minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapakah tiada keseragaman dikenakan kepada setiap restoran makanan di seluruh negara yang mengenakan cukai makanan yang berbeza-beza antara satu sama lain.
46. PN-1141-L2701
Datin Paduka Nor Hayati Binti Tan Sri Dato' Seri Onn minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk mengkaji semula Akta Francais 1985 agar lebih menepati cita rasa dan ciri-ciri mesra perniagaan dan bukannya bersifat mengongkong.
47. PN-1141-L2075
Dato' Gooi Hoe Hin minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada satu mekanisme akan diwujudkan seperti timbang tara atau sebagainya untuk menyelesaikan kes-kes perceraian antara Muslim dan bukan Muslim mengenai perkara-perkara hak penjagaan kanak-kanak, pemelukkan agama dan sebagainya memandangkan mahkamah sivil/syariah sering kali bertindih kuasa.
48. PN-1141-L2391
Dato' Haji Idris bin Haji Buang minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan berapa banyak lagi jalan-jalan kampung sama ada di pesisiran atau pedalaman yang hendak dibina di seluruh negeri Sarawak, untuk melengkapkan sepenuhnya rangkaian jalan-jalan menghubungkan bandar-bandar dan daerah-daerah kecil dan apakah jangka masa untuk menjayakan rancangan tersebut.

49. PN-1141-L2204
Tuan Chiw Tiang Chai minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah rancangan atau pelan bertindak serta strategi untuk menangani pelbagai isu sensitif dari segi agama dan keturunan yang telah dirangka di bawah Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional demi menyuburkan nilai perpaduan dan silaturahim di kalangan pelbagai kaum di Malaysia dalam RMK-9 ke arah pembinaan masyarakat Malaysia yang utuh.
50. PN-1141-L2395
Dato' Haji Idris bin Haji Buang minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah sebenarnya keadaan keselamatan di Sarawak keseluruhannya dari segi kekerapan jenayah, gengsterisme, kegiatan-kegiatan kongsi gelap atau ancaman-ancaman lain.
51. PN-1141-L2664
Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) apakah kelemahan yang ketara di Masjid Bandar Tun Razak sebagai tempat sementara Sek. Men. Agama Wilayah Persekutuan menyebabkan ada murid-murid yang tidak yakin dan menerima tawaran belajar di tempat lain; dan
 - (b) bilakah MAIWP akan membina sekolah menengah ini dan di manakah tapak yang sudah dikenal pasti.
52. PN-1141-L2314
Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan mengapakah Kerajaan tidak mendedahkan butiran perjanjian FTA antara Malaysia-Amerika Syarikat dan apakah bentuk tindak balas yang mungkin diambil oleh Amerika Syarikat jika perundingan perjanjian tersebut terus gagal dan benar ia akan membawa kesan yang lebih buruk kepada ekonomi negara.
53. PN-1141-L2267
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan secara terperinci mengenai usaha-usaha Malaysia selaku Pengerusi OIC dalam mengukuhkan perpaduan serta merapatkan jurang perbezaan pendapat di kalangan negara-negara Islam khususnya dari aspek politik, keselamatan, ekonomi dan pendidikan.
54. PN-1141-L2493
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan mengapa harga ubat-ubatan Malaysia jauh lebih mahal, impak kepada Kerajaan dan orang ramai dan langkah-langkah untuk mengatasi masalah ini.

55. PN-1141-L2111
Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah kewajarannya usaha dipercepatkan rundingan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) dengan Amerika syarikat dan apakah jaminan bahawa FTA tidak akan menjejaskan kepentingan sektor perdagangan di negara ini.
56. PN-1141-L2258
Datuk Dr. Lee Chong Meng minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan memandangkan kes-kes jenayah yang melibatkan remaja semakin meningkat pada masa kini dan ianya telah menjejaskan ketenteraman dan keselamatan penduduk, apakah tindakan yang telah dan akan diambil untuk mengatasi masalah ini.
57. PN-1141-L2300
Puan Siw Chun a/p Eam minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bagaimanakah kewujudan 300 sekolah kluster boleh memberi kesan terhadap peningkatan kualiti sistem pendidikan negara dan adakah warga sekolah sudah cukup bersedia menghadapi perubahan melalui kewujudan sekolah kluster.
58. PN-1141-L2720
Datuk Soon Tian Szu minta **PERDANA MENTERI** menyatakan masyarakat tidak dapat mengelakkan diri daripada memberi rasuah kerana tanpa rasuah mereka tidak mampu untuk mendapatkan sesuatu yang dihajati. Ini merupakan dilema kepada masyarakat jika mereka berurusan dengan pemimpin dan pentadbir yang gemarkan rasuah. Apakah tindakan yang difikirkan wajar untuk dikenakan ke atas pemimpin dan pentadbir yang terlibat dalam gejala tersebut.
59. PN-1141-L2608
Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan kenapa pemberian geran per kapita untuk sekolah-sekolah tidak cukup dan menyulitkan pihak sekolah untuk menyelesaikan kos penyelenggaraan, terutama di kawasan bandar. Bagaimanakah kita hendak mewujudkan kecemerlangan pendidikan jika masalah ini terus berlaku.
60. PN-1141-L2523
Puan Mumtaz binti Md. Nawī minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan :-
- (a) apakah mekanisme untuk membantu pelajar dari keluarga miskin untuk mendapatkan penjamin bagi melayakkan mereka mendapat pinjaman PTPTN dan sejauh manakah keberkesanannya; dan
 - (b) adakah wajar bagi penjamin pinjaman pelajaran dikenakan penalti dan diwajibkan membayar hutang yang tertunggak kerana ini akan menyekat ahli keluarga lain yang berpotensi dan berapakah jumlah tunggakan yang berjaya dikutip sehingga kini.

61. PN-1141-L2639
Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah tindakan yang diambil terhadap guru-guru yang bertindak secara emosi dan agresif memukul pelajar sehingga cedera dan apakah langkah-langkah untuk menghindarkan perkara seperti tersebut berlaku.
62. PN-1141-L2730
Datuk Armani binti Haji Mahiruddin minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan ;-
- (a) apakah pendekatan yang diambil oleh Kementerian dengan kewujudan pusat-pusat hiburan yang meluas di negeri Sabah kerana ia mengundang pengaruh kepada golongan remaja hingga melibatkan kaum wanita Islam yang turut bekerja di tempat tersebut; dan
 - (b) bagaimana cara untuk menghalang dan mencegah perkara ini dengan masalah pengendalian Penguat Kuasa adalah dilema di sebalik usaha menangani masalah ini.
63. PN-1141-L2421
Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan strategi terkini bagi menangani isu jenayah pendatang asing di negara ini.
64. PN-1141-L2234
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah keistimewaan 'Program Pembestarian' dan 'Sekolah Kluster' dan apakah beban tugas tenaga pengajar dapat diatasi dalam pelaksanaan kedua-dua program ini.
65. PN-1141-L2723
Datuk Soon Tian Szu minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah punca utama berlakunya banjir yang melanda beberapa negeri di negara kita.
66. PN-1141-L2633
Tuan Munusamy a/l Mareemuthu minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan statistik pelatih-pelatih Program Latihan Khidmat Negara yang telah direkrut dalam Angkatan Tentera Malaysia.
67. PN-1141-L2660
Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah peranan Kementerian dalam pengurusan krisis dan bencana alam.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

- | | | | |
|-----|----------------|--|-------------------------------|
| 1. | (D.R. 30/2006) | Rang Undang-undang Perbadanan Tabung Pendidikan Nasional (Pindaan) 2006- Menyambung semula Perbahasan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang (22 Mei 2007)” . | |
| 2. | (D.R. 33/2006) | Rang Undang-undang Hakmilik Anak Negeri Labuan 2006; | Bacaan Kali Yang Kedua |
| 3. | (D.R. 52/2006) | Rang undang-undang Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2006; | “ |
| 4. | (D.R. 2/2007) | Rang undang-undang Syarikat (Pindaan) 2007; | “ |
| 5. | (D.R.3/2007) | Rang undang-undang Pelindungan Pengguna (Pindaan) 2007; | “ |
| 6. | (D.R. 4/2007) | Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2007; | “ |
| 7. | (D.R. 6/2007) | Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2007; | “ |
| 8. | (D.R. 7/2007) | Rang Undang-undang Antipemerdagangan Orang 2007; | “ |
| 9. | (D.R. 8/2007) | Rang Undang-undang Keadilan Jenayah (Pindaan) 2007; | “ |
| 10. | (D.R. 11/2007) | Rang Undang-undang Pasaran modal dan Perkhidmatan 2007; | “ |
| 11. | (D.R. 12/2007) | Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan) 2007; | “ |
| 12. | (D.R. 10/2007) | Rang undang-undang Perbadanan Kewangan Perdagangan Islam Antarabangsa 2007; | “ |
| 13. | (D.R. 13/2007) | Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) (Pindaan) 2007; dan | “ |
| 14. | (D.R. 14/2007) | Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) (Pindaan) 2007. | “ |

15. PN-1141-U2092
Datuk (Dr.) Jins bin Shamsudin akan mencadangkan:-

"Bahawa, Ahli-ahli Dewan yang mulia ini menjunjung kasih atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong semasa berangkat membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Kesebelas yang telah menghargai Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat dalam menerajui tampuk perundangan negara;

Menyedari, seruan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong supaya Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat membuktikan kesetiaan kepada Raja dan Negara dengan menjalankan segala tugas dan kewajipan, di luar mahupun di dalam Dewan yang mulia ini dengan penuh kewibawaan dan integriti;

Maka, Dewan yang mulia ini membuat satu ketetapan supaya lagu "Negaraku" dimainkan dan dinyanyikan beramai-ramai oleh Ahli-ahli Dewan Negara termasuk pegawai-pegawai yang hadir pada setiap kali selepas bacaan doa pada setiap hari Dewan bersidang; dan ketetapan ini juga hendaklah dipanjangkan kepada Dewan Rakyat."

(Perdana Menteri)

16. PN-1141-U2323
Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan agar Kerajaan segera memberikan perhatian dan bantuan yang serius terhadap nasib pekerja-pekerja Malaysia yang terkandas dan tertipu di Singapura. Tindakan tegas mestilah diambil terhadap agensi-agensinya khususnya yang beroperasi di Malaysia. Kerajaan juga perlu mengujudkan perjanjian dua hala yang lebih ketat mengenai pengambilan pekerja-pekerja Malaysia ke Singapura."

(Menteri Luar Negeri)

17. PN-1141-U2325
Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan agar Kerajaan mengambil langkah segera untuk menyelamatkan 50 Institusi Latihan Kemahiran Swasta (ILKS) bumiputera yang nyawa-nyawa ikan sedangkan 700 buah lagi telah pun gulung tikar. Masalah seperti kesukaran mendapatkan pembiayaan pelajar, kekurangan pelajar, saingan daripada Institusi Latihan Awam (ILA) dan dasar yang tidak jelas sejak 2003 masih menghantui masa depan ILKS bumiputera ini."

(Menteri Sumber Manusia)

18. PN-1141-U2327

Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan agar Kerajaan bertindak tegas terhadap stesen penyiaran swasta yang gagal memenuhi garis panduan penyiaran yang menetapkan sekurang-kurangnya 60% program adalah dalam Bahasa Kebangsaan. Ia adalah isu lama yang berlarutan yang berkait rapat dengan isu komitmen, penguatkuasaan dan pertindihan tanggungjawab."

(Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi)

19. PN-1141-U2329

Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan agar Kerajaan mengharamkan sebarang program realiti yang pemenangnya ditentukan semata-mata oleh undian SMS. Ternyata program seumpama ini hanya bertujuan untuk mengeksploitasi orang ramai yang berbelanja secara membazir. Ia bukan sahaja gagal melahirkan pemenang yang berkualiti tetapi mengujudkan budaya yang salah dalam melahirkan idola yang sepatutnya dicontohi oleh generasi muda."

(Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi)